

## **1. Tunai & Instrumen Boleh Niaga Pembawa**

Pengembara yang memasuki atau meninggalkan Malaysia dengan wang tunai dan Instrumen Boleh Niaga Pembawa (Bearer Negotiable Instruments, BNI) yang melebihi nilai bersamaan USD 10,000.00, mesti mengisyiharkannya menggunakan Borang Kastam No. 7 yang disediakan di <https://www.customs.gov.my/> atau di kaunter kastam di semua pintu masuk dan keluar Malaysia.

## **2. Ringgit Malaysia (RM)**

Pengembara yang mengimport dan mengeksport mata wang Ringgit Malaysia (RM) melebihi nilai bersamaan USD 10,000.00 mesti mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dengan mengemukakan permohonan melalui laman web <https://www.bnm.gov.my/submit-application>. Borang Kastam No. 7 juga mesti dilengkapkan dan diserahkan kepada pegawai kastam sekiranya membawa mata wang Ringgit Malaysia.

Di bawah peruntukan undang-undang;

### **Seksyen 28B (1), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA);**

*"Mana-mana orang yang meninggalkan atau memasuki Malaysia dengan satu amaun wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa, atau kedua-duanya yang melebihi nilai yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berwibawa melalui perintah yang diterbitkan dalam Warta, hendaklah mengisyiharkan amaun itu kepada pihak berkuasa berwibawa."*

**"Mana-mana orang yang melanggar syarat-syarat ini, telah didapati melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-duanya sekali."**

## **Notis 6 – Import & Eksport Wang Tunai**

*"Seseorang melakukan kesalahan di bawah subseksyen 214(9) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 jika orang itu mengimport atau mengeksport ringgit melebihi amaun yang dibenarkan."*

**"Mana-mana individu yang gagal mematuhi sebarang arahan atau syarat, melakukan kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak melebihi MYR 50 juta atau kedua-duanya sekali."**

## **Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Kastam 2019**

*"Tiap-tiap pengembara atau orang lain yang tiba di atau meninggalkan Malaysia hendaklah membuat akuan dalam Borang Kastam No. 7 amaun tunai dan instrumen boleh niaga pembawa dalam milikannya, sama ada yang dibawanya atau didalam mana-mana bagasinya, atau kenderaannya, yang melebihi amaun yang dikehendaki untuk diisyiharkan oleh Bank Negara Malaysia menurut Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pengisyiharan Wang Tunai dan Instrumen Boleh Niaga Pembawa)"*



**Wang tunai** merujuk kepada syiling dan wang kertas (sama ada dari Malaysia atau dari negara asing yang ditetapkan sebagai tender sah dan beredar serta lazimnya digunakan dan diterima sebagai medium pertukaran di negara asalnya).

**Instrumen Boleh Niaga Pembawa (Bearer Negotiable Instrument -BNI)** termasuk cek pengembara, kiriman wang atau mana-mana instrumen boleh niaga dalam bentuk pembawa, yang diendors tanpa sebarang sekatan, dibuat kepada penerima bayaran rekaan atau dalam bentuk sedemikian sehingga hak milik instrumen tersebut berpindah semasa penyerahan, dan mana-mana instrumen boleh niaga yang ditandatangani tetapi nama penerima bayaran tidak dinyatakan



Semua maklumat yang diisyiharkan dalam **Borang Kastam No. 7** mesti **tepat dan benar**. Jika terdapat sebarang maklumat yang didapati tidak betul atau palsu, tindakan undang-undang boleh diambil. Borang Kastam No. 7 yang telah lengkap mesti diserahkan kepada pegawai kastam di kaunter kastam yang terletak di semua pintu masuk dan keluar di Malaysia

## PROSES PENGISYIHKAN TUNAI

### Masuk/keluar Malaysia - Membuat Pengisytiharan Wang Tunai atau Instrumen boleh Niaga Pembawa (**Melibatkan Ringgit Malaysia**)

- 01** Permohonan kebenaran dari Bank Negara Malaysia (BNM) perlu dibuat melalui laman sesawang [Https://www.bnm.gov.my/submission-of-application](https://www.bnm.gov.my/submission-of-application). Bank Negara Malaysia memerlukan beberapa hari untuk memproses permohonan. Oleh itu, permohonan perlu dikemukakan lebih awal.
- 02** Lawati [Https://www.customs.gov.my](https://www.customs.gov.my) untuk memuat turun Borang Kastam No. 7. (Borang Kastam No.7 juga boleh didapati di Kaunter Kastam di pintu masuk atau keluar negara)
- 03** Lengkapkan Borang Kastam No.7 dengan maklumat pengisytiharan yang tepat dan betul
- 04** Serahkan Borang Kastam No. 7 yang telah lengkap diisi kepada pegawai kastam di pintu-pintu masuk atau keluar negara

## **Masuk atau keluar Malaysia - Membuat Pengisytiharan Wang Tunai atau Instrumen boleh Niaga Pembawa (Tidak Melibatkan Ringgit Malaysia)**

**01**

Lawati [Https://www.customs.gov.my](https://www.customs.gov.my) untuk memuat turun Borang Kastam No. 7. (Borang Kastam No.7 juga boleh didapati di Kaunter Kastam di pintu masuk atau keluar negara )

**02**

Lengkapkan Borang Kastam No.7 dengan maklumat pengisytiharan yang tepat dan betul

**03**

Serahkan Borang Kastam No. 7 yang telah lengkap diisi kepada pegawai kastam di pintu-pintu masuk atau keluar negara

## **Soalan Lazim (FAQ) mengenai Wang Tunai dan Instrumen Boleh Niaga Pembawa (BNI) untuk Pengembara yang Memasuki atau Meninggalkan Malaysia.**

- 1. Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengisytiharkan wang tunai dan instrumen boleh niaga pembawa (BNI) ketika memasuki atau meninggalkan Malaysia?**  
 *Semua pengembara, tanpa mengira kewarganegaraan, termasuk rakyat Malaysia, bertanggungjawab untuk mengisytiharkan wang tunai dan instrumen boleh niaga pembawa (BNI) apabila jumlahnya melebihi had yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.*
- 2. Apakah jumlah had untuk mengisytiharkan wang tunai dan instrumen boleh niaga pembawa (BNI)?**  
*Pengembara mesti mengisytiharkan jika mereka membawa wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa (BNI), atau kedua-duanya, yang melebihi nilai bersamaan USD 10,000.00.*
- 3. Apakah instrumen boleh niaga pembawa (BNI)?**  
*BNI merujuk kepada instrumen boleh niaga pembawa, yang termasuk item seperti cek pengembara, nota janji, dan kiriman wang.*
- 4. Apakah bentuk mata wang dan instrumen yang termasuk dalam had USD 10,000.00?**  
*Had tersebut merangkumi satu mata wang atau gabungan pelbagai mata wang dan BNI.*
- 5. Bagaimana saya mengisytiharkan wang tunai dan BNI yang melebihi had tersebut?**

*Anda mesti melengkapkan Borang Kastam No. 7, yang boleh didapati di laman web Kastam Malaysia atau di kaunter kastam di semua pintu masuk dan keluar Malaysia.*

**6. Adakah saya memerlukan kebenaran untuk membawa Ringgit Malaysia (RM) yang melebihi USD10,000 ?**

*Ya, anda mesti mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dengan memohon melalui laman web mereka.*

**7. Jika saya mendapat kelulusan bertulis daripada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membawa Ringgit Malaysia (RM), adakah saya masih perlu mengisyiharkan MYR pada Borang Kastam No. 7?**

*Ya, walaupun anda mempunyai kelulusan daripada BNM, anda masih perlu mengisyiharkan RM menggunakan Borang Kastam No. 7. Borang yang telah lengkap mesti diserahkan kepada pegawai kastam di kaunter kastam yang terletak di semua pintu masuk dan keluar.*

**8. Apa yang berlaku jika saya gagal mengisyiharkan wang tunai dan BNI yang melebihi had tersebut?**

*Kegagalan untuk mengisyiharkan boleh mengakibatkan penalti, termasuk denda dan penyitaan jumlah yang tidak diisyiharkan.*

**9. Bolehkah saya menyerahkan Borang Kastam No. 7 secara dalam talian?**

*Buat mas ini, Borang Kastam No. 7 mesti diserahkan di kaunter kastam di pintu masuk dan keluar.*

**10. Berapa lama masa yang diambil untuk mendapatkan kebenaran daripada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi membawa RM yang melebihi had yang telah ditetapkan?**

*Masa pemprosesan mmerlukan beberapa hari dari tarikh dokumen lengkap dikemukakan. Oleh itu, adalah dinasihatkan untuk memohon lebih awal sebelum tarikh perjalanan anda.*

**11. Adakah terdapat sebarang pengecualian terhadap keperluan pengisyiharan?**

*Tidak, semua pengembara yang membawa wang tunai dan BNI melebihi had yang ditetapkan mesti mengisyiharkannya, tanpa mengira tujuan perjalanan.*